

PERPANJANGAN KONTRAK KERJA KE-.....

Perjanjian ini dibuat padadiantara

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat :
.....
.....
.....
.....

No. Telp & Fax :

(“Selepas ini dinamakan Majikan”). dengan

Nama Pekerja :

No. Passpor :

Warganegara Indonesia,

(selepas ini dinamakan “ Pekerja “).

Dengan ini adalah dipersetujui syarat-syarat yang berikut :

1. **JAWATAN** : **PEKERJA LADANG SAWIT**

2. **TEMPOH KONTRAK** : **1 TAHUN.** Tambahan tempoh kontrak kerja boleh disambung dengan persetujuan majikan dan kelulusan daripada Kerajaan Malaysia.

Perpanjangan kontrak kerja tahun berikutnya, di *endorsement* oleh Perwakilan RI dan TKI diharuskan memiliki asuransi di

LADANG SAWJT

Indonesia, dengan memperpanjang asuransinya di perwakilan asuransi di luar negeri (PERWALU) yang berada di Malaysia.

3. **TEMPAT KERJA** : **Syarikat**

.....
...

Alamat :

.....
.....
.....

4. GAJI / ELAUN / INTENSENTIF

- Gaji pokok/*Basic Salary* : RM.....
- Tunjangan makan/*meal allowance* : RM.....
- Tunjangan kehadiran/*attendant allowance* : RM.....
- Tunjangan lain/*other allowance* :
- : RM.....
- : RM.....
- : RM.....

Pekerja juga menerima tunjangan kesehatan sesuai dengan plafond kesehatan

Jika digaji berdasarkan kerja borongan, upahnya dihitung berdasarkan jumlah hasil kerja, kemampuan, kerajinan dan kualitas kerja TKI sendiri.

5. TEMPOH KERJA

Perjanjian ini hanya sah diperakuan bagi tempoh 1 (satu) tahun dari tarikh perpanjangan kontrak kerja.

Perpanjangan kontrak kerja tahun berikutnya, di *endorsement* oleh Perwakilan RI dan TKI diharuskan memiliki asuransi di Indonesia, dengan memperpanjang asuransinya di perwakilan asuransi di luar negeri (PERWALU) yang berada di Malaysia.

Di akhir tempoh penamatan, Perjanjian ini boleh dilanjutkan kepada satu (1) tahun lagi dengan mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak dan tetakluk kepada pematuhan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia.

6. TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB

- a) Pekerja mestilah menunjukkan mutu kerja yang baik dan mematuhi segala arahan yang diberikan oleh majikan melalui pegawai-pegawai yang dilantik dari masa kemasa.
- b) Pekerja mestilah bekerja untuk majikan ataupun syarikat ini sahaja dan dilarang bekerja di mana-mana Tempat lain.
- c) Pekerja mestilah bersikap bertanggungjawab dan penuh dedikasi di atas segala tugas yang ditetapkan.
- d) Pekerja mestilah sentiasa menjaga perlakuan diri, budi bahasa dan sentiasa menghormati majikan atau wakil-wakilnya, teman sekerja dan masyarakat sekeliling.
- e) Pekerja mestilah menghormati kebudayaan, tata-susila dan cara hidup orang-orang tempatan dan undang-undang Malaysia.
- f) Pekerja mestilah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh syarikat seperti yang tertera di dalam buku peraturan dan syarat-syarat kerja dan ketetapan yang dibuat untuk asrama syarikat.
- g) Pekerja boleh diambil atau dikenakan tindakan **TATA TERTIB / DISIPLIN** jika didapati melanggar mana-mana peraturan kerja yang telah ditetapkan ataupun **undang-undang perburuhan** Malaysia.

7. WAKTU BEKERJA / CUTI MINGUAAAN / CUTI UMUM

Waktu bekerja adalah 48 jam seminggu dan 6 hari kerja sama ada mengikut waktu kerja shif atau tidak. Waktu bekerja akan ditentukan oleh Majikan dari masa ke semasa.

Pekerja layak menerima satu (1) hari cuti rehat mingguan bagi setiap minggu yang bekerja dan juga cuti umum bergaji yang diperuntukkan oleh Majikan.

8. KERJA LEBIH MASA (LEMBUR)

Di mana pekerja dikehendaki bekerja pada cuti mingguan atau cuti umum atau melebihi waktu kerja normal, ia akan di bayar upah mengikut kadar yang di tetapkan oleh Akta Pekerjaan, 1955.

-	Hari Biasa: RM	Hari Kerja Normal (26) ----- 8	X 1.5 =
-	Hari Istirehat Mingguan: RM	Hari Kerja Normal ----- 8	X 2.0 =
-	Hari Cuti Umum: RM	Hari Kerja Normal ----- 8	X 3.0 =

9. FAEDAH PERUBATAN

Cuti sakit bergaji yang layak diterima oleh Pekerja adalah mengikut Akta Pekerjaan, 1955.

Faedah perubatan percuma disediakan oleh Majikan melalui panel doktor yang dilantik sahaja dan kemudahan perubatan boleh dirujuk di dalam buku Panduan Pekerja Syarikat.

10. TAMBANG PERJALANAN

Setelah tamat kontrak perkhidmatan selama 1 (satu) tahun, Majikan akan menyediakan satu tiket penerbangan atau kapal laut tergantung kepada konsidi pulang ke negara asal.

Pekerja yang menamatkan perkhidmatan sebelum tamat tempoh perjanjian atau ditamatkan perkhidmatan oleh majikan mengikut peruntukan 11 di dalam surat

perjanjian ini terpaksa pulang ke negara asal dengan kos perbelanjaan pulang oleh pekerja sendiri.

Pekerja yang bercadang untuk pulang ke Indonesia untuk bercuti atau sebab-sebab kecemasan mesti mendapatkan kebenaran bertulis daripada Majikan terlebih dahulu. Dalam hal ini, Pekerja akan bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan tersebut.

Sekiranya Pekerja meninggal dunia ketika masih berkhidmat dengan Majikan. Majikan akan menghantar balik jenazah Pekerja ke pangkuan keluarga di Indonesia dengan kos penghantaran pulang di tanggung oleh Majikan.

11. PENGANGKUTAN

Majikan akan menyediakan pengangkutan secara percuma, sekiranya perlu, untuk pergi balik ke tempat kerja.

12. PENGINAPAN

- Majikan akan menyediakan rumah sederhana secara percuma.
- Penggunaan air dan api (listrik) akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

13. LEVI

Majikan memsubsidi penuh seluruh levy dan biaya yang terkait didalamnya sesuai dengan regulasi yang berlaku. Jika Hal ini dilanggar maka pekerja atau PPTKIS atau Kedutaan Besar Republik Indonesia berhak mengajukan tuntutan ke Jabatan Tenaga Kerja Malaysia.

Sekiranya majikan telah mendapatkan surat kelulusan dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), maka Levy dapat dibebankan kepada pekerja dengan memotong gaji pekerja selama 12 bulan.

14. PENAMATAN KONTRAK PERKHIDMATAN

Syarat perkhidmatan Pekerja dengan Majikan ini tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan kesihatan yang dijalankan oleh doktor yang dilantik oleh Majikan.

Majikan berhak menamatkan perjanjian perkhidmatan dengan serta merta tanpa sebarang notis sekiranya salah satu dari pada perkara berikut berlaku :

LADANG SAWJT

- a. Sekiranya Pekerja memungkir syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Kontrak Pekerjaan.
- b. Sekiranya Pekerja membuat kesalahan atau melanggar salah satu daripada peraturan-peraturan Syarikat atau melakukan perbuatan yang salah di sisi Undang-Undang Malaysia.
- c. Sekiranya Pekerja terlibat berkhidmat dengan Syarikat lain sama ada secara langsung atau tidak langsung yang mana boleh menjejaskan prestasi kerjanya atau boleh membawa konflik dengan kepentingan Majikan ini.
- d. Sekiranya Pas Lawatan Sementara atau Permit Kerja Sementara ditarik balik oleh Kerajaan Malaysia.
- e. Sekiranya Pekerja didapati tidak hadir bekerja selama 3 hari berturut-turut tanpa sebarang alasan munasabah atau tanpa mendapat kebenaran daripada Majikan terlebih dahulu.
- g. Pekerja terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang diharamkan oleh Majikan atau undang-undang Malaysia.
- h. Pekerja memberikan maklumat palsu ketika memohon kerja.
- i. Mendedahkan rahsia perniagaan Syarikat, sebarang data atau maklumat berkaitan proses-proses pengeluaran atau polisi Syarikat kepada pihak ketiga.
- j. Bersuhabat dengan orang luar atau mana-mana pihak ketiga untuk melancarkan mogok atau berhimpun secara haram di kawasan ladang.
- k. Pekerja tidak mahu mematuhi arahan yang munasabah yang diberikan oleh penyelia atasan.
- m. Sekiranya Pekerja tidak disahkan taraf kesihatannya.
- n. Pekerja didapati berkawin atau / dan hamil semasa dalam tempoh Kontrak Pekerjaan.
- o. Pekerja didapati mengalami penyakit berjangkit setelah disahkan oleh doktor panel Majikan.

15. PERALATAN SYARIKAT

- Pekerja dikehendaki menjaga dan meyimpan dengan baik segala peralatan yang diberikan oleh majikan.
- Pekerja akan memulangkan segala peralatan bila diarahkan oleh Majikan atau setelah penamatan perkhidmatan atas apa jua sebab penamatan tersebut.
- Peralatan kerja disediakan sesuai bidang pekerjaannya oleh perusahaan.
- Pakaian seragam kerja disediakan oleh perusahaan bila diperlukan.
- Alat keselamatan kerja di sediakan oleh perusahaan seperti helmet, sepatu bot dan sarung tangan dan sesuai dengan bidang pekerjaannya berdasarkan undang-undang kerajaan Malaysia. Dan jika sengaja hilang, lalai atau dirosakkan maka akan dipertanggungjawabkan kepada pekerja (TKI).
- Pekerja tidak dibebankan biaya pengantian peralatan jika peralatan tersebut sudah tidak layak pakai dan bukan karena kesalahan pekerja.

16. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Sebarang pertikaian yang timbul sama ada berkaitan dengan kerjanya atau kontrak perkhidmatan, Pekerja hendaklah terlebih dahulu melaporkan kepada Penyelia Atasan.

Adalah dipersetujui bahawa segala pertikaian hendaklah diselesaikan secara aman di antara Pekerja dengan Majikan secara perbincangan bersama atau perundingan.

Adapun dengan ini dipersetujui kontrak perjanjian diatas untuk kedua-dua belah pihak.

Perjanjian ini telah dipersetujui dan ditandatangani dengan persaksian di antara Pekerja dengan Majikan pada tanggal _____

MAJIKAN

PEKERJA

Nama :
Mobile Nombor :

Nama :
Mobile Nombor :

SAKSI

Nama :
Mobile Nombor :